

Isnin, 6 April 2020 | 3:38pm



Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad

Hasnol Zam Zam dilantik Pengerusi SSM

KUALA LUMPUR: Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) baharu selama dua tahun berkuatkuasa 1 April 2020 .

Hasnol menggantikan Datuk Muez Abdul Aziz yang telah

dilantik sebagai KSU Kementerian Pertahanan berkuatkuasa 1 Februari 2020.

Watikah pelantikan telah diserahkan kepada beliau oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi pada 1 April lalu.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/673684/hasnol-zam-zam-dilantik-pengerusi-ssm>